



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

# KAWALAN CAPAIAN SISTEM PENGOPERASIAN

**OBJEKTIF :**

**MENGHALANG CAPAIAN TIDAK SAH DAN TANPA KEBENARAN KE ATAS SISTEM PENGOPERASIAN**

## CAPAIAN SISTEM PENGOPERASIAN

KAWALAN CAPAIAN SISTEM PENGOPERASIAN PERLU BAGI MENGELAKKAN SEBARANG CAPAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN. KEMUDAHAN KESELAMATAN DALAM SISTEM OPERASI PERLU DIGUNAKAN UNTUK MENGHALANG CAPAIAN KE SUMBER SISTEM KOMPUTER. KEMUDAHAN INI JUGA PERLU BAGI:

- (A) MENGENAL PASTI IDENTITI, TERMINAL ATAU LOKASI BAGI SETIAP PENGGUNA YANG DIBENARKAN;
- (B) MEREKODKAN CAPAIAN YANG BERJAYA DAN GAGAL; DAN
- (C) MENGHADKAN MASA PENGGUNAAN RANGKAIAN BAGI PENGGUNA.

KAEDAH-KAEDAH YANG DIGUNAKAN HENDAKLAH BERUPAYA MENYOKONG PERKARA-PERKARA BERIKUT:

- (A) MENGESAHKAN PENGGUNA YANG DIBENARKAN SELARAS DENGAN PERATURAN JABATAN;
- (B) MEWUJUDKAN JEJAK AUDIT KE ATAS SEMUA CAPAIAN SISTEM PENGOPERASIAN TERUTAMA PENGGUNA BERTARAF SUPER USER
- (C) MENJANA AMARAN (ALERT) SEKIRANYA BERLAKU PERLANGGARAN KE ATAS PERATURAN KESELAMATAN SISTEM.
- (D) MENYEDIAKAN TEMPOH PENGGUNAAN MENGIKUT KESESUAIAN

PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIPATUHI ADALAH SEPERTI BERIKUT:

- (A) MENGAWAL CAPAIAN KE ATAS SISTEM PENGOPERASIAN MENGGUNAKAN PROSEDUR LOG ON YANG TERJAMIN;
- (B) MEWUJUDKAN SATU PENGENALAN DIRI (ID) YANG UNIK UNTUK SETIAP PENGGUNA DAN HANYA DIGUNAKAN OLEH PENGGUNA BERKENAAN SAHAJA;
- (C) MENGHADKAN DAN MENGAWAL PENGGUNAAN PROGRAM UTILITI BAGI SATU TEMPOH YANG DITETAPKAN; DAN
- (D) MENGHADKAN TEMPOH SAMBUNGAN KE SESEBUAH APLIKASI BERISIKO TINGGI.